



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

HUMS
HOSPITAL UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PROGRAM KPT PRIHATIN MADANI



Melalui inisiatif ini, KPT akan membawa inovasi dan idea-idea baharu yang tercetus di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) kepada masyarakat dengan memfokuskan jalinan akrab antara mahasiswa dan komuniti.

Sebagai pelaksanaan, empat (4) program utama telah dirangka iaitu Student for Society (S4S); Inovasi Sosial - Knowledge Transfer Programme (KTP); TVET Komuniti MADANI dan KPT Prihatin MADANI.

Oleh itu, Hospital UMS menerusi program KPT Prihatin MADANI komited menjalankan program klinik bergerak dan program jangkauan (outreach) kesihatan komuniti kepada golongan sasaran terutamanya golongan luar bandar atau pendalaman dan komuniti B40 yang jauh daripada kemudahan kesihatan.



PROGRAM PELANCARAN PROGRAM KPT PRIHATIN MADANI

Pada 21 Jun 2023 yang lalu, Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin telah melancarkan inisiatif terbaharu Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) iaitu Program Semarak Siswa MADANI.



TARIKH:
19 OGOS 2023



LOKASI:
DEWAN SEMAI BAKTI DESA KENCANA,
FELDA SAHABAT 3 FELDA SAHABAT 3



Hospital UMS menerusi Program KPT Prihatin MADANI telah melaksanakan Program Kesihatan di Dewan Semai Bakti Desa Kencana, FELDA Sahabat 3 pada 19 Ogos 2023.

Menurut Encik Samsudin bin Nurdin sebagai ketua pada edisi kali ke-38 ini berkata, "Edisi Program KPT Prihatin MADANI pada kali ini memfokuskan untuk memberi perkhidmatan klinik bergerak dan program jangkauan (outreach) kesihatan komuniti kepada masyarakat di Lahad Datu buat kali pertama. Oleh itu, FELDA Sahabat 3 merupakan sebuah destinasi yang terpilih untuk dilawati dan disantuni oleh pihak Hospital UMS dengan kerjasama pihak FELDA Wilayah Sahabat dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) Desa Kencana.

PROGRAM KPT PRIHATIN MADANI

Menurut Encik Samsudin bin Nurdin sebagai ketua pada edisi kali ke-38 ini berkata, “Edisi Program KPT Prihatin MADANI pada kali ini memfokuskan untuk memberi perkhidmatan klinik bergerak dan program jangkauan (outreach) kesihatan komuniti kepada masyarakat di Lahad Datu buat kali pertama. Oleh itu, FELDA Sahabat 3 merupakan sebuah destinasi yang terpilih untuk dilawati dan disantuni oleh pihak Hospital UMS dengan kerjasama pihak FELDA Wilayah Sahabat dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) Desa Kencana.

“Seramai 74 kakitangan daripada Hospital UMS telah menjadi sukarelawan yang terdiri daripada Pakar-Pakar Perubatan, Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Pegawai Farmasi, Pegawai Pemulihan (Fisioterapi), Pegawai Pemulihan Perubatan (Cara Kerja), Pegawai Optometri, Pegawai Psikologi Klinikal, Pegawai Dietetik dan Jururawat bekerjasama sebagai sebuah kumpulan untuk menjayakan program pelancaran pada kali ini”.



Tambah beliau lagi, “Program kesihatan ini sangat menggalakkan dan meriah kerana telah disertai sebanyak 149 orang penduduk sekitar dari pelbagai golongan umur”.

Antara skop perkhidmatan kesihatan dan perubatan percuma yang disediakan oleh pasukan Hospital UMS ialah;

- Kaunter Saringan dan Pemeriksaan Kesihatan
- Kaunter Konsultasi Pegawai Perubatan
- Kaunter Preskripsi Ubat Secara Percuma
- Kaunter Pemeriksaan Khas Wanita
- Kaunter Pemeriksaan dan Rawatan Pergigian
- Kaunter Pemeriksaan Mata
- Kaunter Rawatan Rehabilitasi
- Kaunter Bicara Kesihatan Mental
- Kaunter Runding Cara Pemakanan
- Kaunter Saringan Telinga, Hidung dan Tekak
- Kaunter Perawatan Kesihatan dan Kebersihan Diri
- Sudut Aktiviti Kanak-Kanak

PROGRAM KPT PRIHATIN MADANI

Akhir sekali, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Mohammad Yusof Apdal ketika merasmikan Program KPT Prihatin MADANI berkata “Di Sabah, Hospital UMS diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan program ini. Tahniah saya ucapkan kepada HUMS dan UMS kerana difahamkan sejak 2021 hingga kini telah melaksanakan disetiap daerah negeri Sabah. Tahun ni Daerah Lahad Datu menjadi salah satu destinasi pelaksanaan program KPT Prihatin MADANI. Harapan saya, agar program ini dapat diteruskan pada tahun-tahun akan datang demi manfaat dan kesejahteraan penduduk terutama di kawasan luar.”



Tambah beliau lagi, “Program kesihatan ini sangat menggalakkan dan meriah kerana telah disertai sebanyak 149 orang penduduk sekitar dari pelbagai golongan umur”.

Antara skop perkhidmatan kesihatan dan perubatan percuma yang disediakan oleh pasukan Hospital UMS ialah;

- Kaunter Saringan dan Pemeriksaan Kesihatan
- Kaunter Konsultasi Pegawai Perubatan
- Kaunter Preskripsi Ubat Secara Percuma
- Kaunter Pemeriksaan Khas Wanita
- Kaunter Pemeriksaan dan Rawatan Pergigian
- Kaunter Pemeriksaan Mata
- Kaunter Rawatan Rehabilitasi
- Kaunter Bicara Kesihatan Mental
- Kaunter Runding Cara Pemakanan
- Kaunter Saringan Telinga, Hidung dan Tekak
- Kaunter Perawatan Kesihatan dan Kebersihan Diri
- Sudut Aktiviti Kanak-Kanak